



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** di **Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang sahaja** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut:-

(i)	NO. SEBUT HARGA	PERDA/BHT/S/12/2026
(ii)	TAJUK SEBUT HARGA	KERJA-KERJA NAIK TARAF PREMIS PERNIAGAAN PERDA SUNGAI ACHEH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DATARAN SUNGAI ACHEH, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.
(iii)	KELAYAKAN	Gred G1 : Kategori B:- Pengkhususan B04 (Kerja-kerja Pemb. Bangunan) dan Kategori CE:- Pengkhususan CE21 (Pemb. Kejuruteraan Awam)
(iv)	TARIKH DAN MASA PENDAFTARAN SERTA TAKLIMAT	23 Julai 2026 (Khamis) Pendaftaran: 10.00 pagi hingga 10.30 pagi Taklimat: Selepas pendaftaran
(v)	TARIKH & MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA	24 Julai 2026 (Jumaat, 10.00 pagi) hingga 30 Julai 2026 (Khamis, 5.00 petang) di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my
(vi)	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA	4 Ogos 2026 (Selasa) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

2. Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari perolehan.perda.gov.my pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang lawatan tapak sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **Medan Selera Makan-Makan Sg Acheh** pada **23 Julai 2026 (Khamis, jam 10.00 pagi)** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih sah. **Hanya Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja** dibenarkan mendaftar dan menghadiri lawatan tapak ini. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my bermula dari tarikh **24 Julai 2026 (Jumaat, jam 10.00 pagi)** hingga **30 Julai 2026 (Khamis, jam 5.00 petang)**. Senarai dokumen wajib yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- i. Dokumen Sebutharga
- ii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk Sebut Harga dan No. Sebut Harga pada bahagian atas sampul. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No.1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **4 Ogos 2026 (Selasa) jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.